

DESIGN AND FABRICATION
OF
AIR CONVEYOR

LAPURAN INI DISEDIAKAN UNTUK
MELENGKAPKAN SYARAT YANG DIPERLUKAN BAGI
KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
(PERKILANGAN)

OLEH:

AZMI B. MASUWAI

KHAIZURAN B. MOHD SALLEH

JABATAN KEJURUTERAAN

MEKANIKAL

KAJIAN KEJURUTERAAN

ISI KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN

2. PEMBAHASAN

3. PEMBAHASAN

4. PENYIMPULAN

5. DAFTAR PUSTAKA

6. LAMPIRAN

7. PENUTUP

8. PENUTUP

9. PENUTUP

10. PENUTUP

5.0 PEMILIHAN BAHAN

6.0 PROSES FABRIKASI

7.0 PENGIRAAN YANG

TERLIBAT

8.0 PENGOPERASIAN DAN

PENGHASILAN

KESIMPULAN

RUJUKAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.r.t.h.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, kami dengan besar hati ingin melahirkan rasa penghargaan kepada penasihat projek akhir kami iaitu En. Asli Kassim diatas pertolongan yang telah beliau berikan kepada kami untuk menyiapkan projek akhir kami ini. Nasihat, bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau sedikit sebanyak telah membantu kami menyediakan projek akhir kami.

Disamping itu kami juga tidak melupakan khasnya kepada kakitangan-kakitangan yang bersusah payah membantu kami di Bengkel Kajian Kejuruteraan. Tanpa bantuan dan pengalaman mereka kemungkinan berbagai masalah yang harus kami atasi didalam projek akhir kami tidak dapat diatasi.

Tidak dilupakan juga terhadap pensyarah-pensyarah dan rakan pelajar sekalian yang mana tidak secara langsung telah memberikan semangat dan sokongan moral terhadap kami disamping komen-komen yang membina sepanjang kami menyediakan projek akhir ini.

Tidak ketinggalan, kedua ibubapa kami yang telah juga memberi bantuan dan dorongan kearah kejayaan disamping doa-doa mereka.

1.0 PENGENALAN PROJEK

1.1 PENENTUAN PROJEK

Rekabentuk projek tahun akhir kami adalah berdasarkan kepada kemudahan pengendalian bahan yang lebih mudah. Sistem pengendalian bahan yang telah sedia ada digunakan didalam industri-industri adalah seperti forklift, chain conveyer, belt conveyor, overhed conveyer, roller conveyor, troli, roller, pengendalian guna tenaga manusia dan berbagai-bagai lagi bentuk pengendalian bahan. Didalam projek tahun akhir kami ini, sistem yang kami gunakan adalah sama seperti yang sedia ada tetapi menggunakan kuasa yang berlainan. Kami menggunakan kuasa tekanan angin yang tinggi untuk menggerakkan bahan. Angin yang dimampatkan boleh digunakan untuk menggerakkan bahan yang mempunyai bentuk yang padu dan mempunyai permukaan bawah yang rata.

1.2 UDARA

Kebanyakan pengeluaran dan pemprosesan menggunakan tekanan udara yang tetap untuk menjalankan pelbagai operasi. Ini adalah disebabkan , udara adalah mudah dan terdapat secara universal. Ia juga mudah digunakan. Di antara kebanyakan penggunaannya adalah bagi kuasa pneumatik dan sistem kawalan. Ia juga mengandungi beberapa prinsip asas yang utama yang mana ia mempengaruhi kaedah pengoperasiannya.